

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 13.10.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) bilangan projek pembinaan sekolah rendah dan menengah yang sudah siap, sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan di negeri Sabah; dan
- b) bila kelulusan pelaksanaan projek SMK Gum Gum II memandangkan permohonan telah dibuat sejak Rancangan Malaysia ke-8 lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi projek pembinaan sekolah baharu di Sabah, sebanyak enam (6) buah sekolah **sedang dibina** iaitu SK Api-Api, Kota Kinabalu, SMK Entilibon, Telupid, SMK Simpangan, Paitan, SMK Nabal, Tuaran, SMK Langkon, Kota Marudu dan SMK Kanibongan, Pitas. Masih terdapat 5 buah sekolah baharu yang **belum dibina** iaitu SK Pekan 1, Semporna, SMK Trus Madi, Keningau, SMK Kundasang II, SMK Kipouvo, Kota Kinabalu, dan SMK Libaran, Sandakan.

Manakala bagi projek gantian penuh, terdapat dua (2) sekolah yang sedang dibina iaitu SK Sembulan, Kota Kinabalu dan SK Regading, Tuaran. Walau bagaimanapun masih terdapat empat (4) buah sekolah lagi projek gantian sekolah baharu belum dibina iaitu SK Langkon, Kota Marudu, SK Nanamun, Kota Belud, SMK Kabogan, Semporna, dan SMK Paris II, Kinabatangan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan sekolah baharu SMK Gum-gum II di Libaran, Sabah dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.